

27/04/1998

Bersalin: Tiada pekerja gantian

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Ahad - Penambahan cuti bersalin daripada 42 hari kepada 60 hari yang diberi kepada kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam berkuatkuasa 1 Mei ini, tidak menjejaskan mutu perkhidmatan awam di seluruh negara.

Ini kerana tugas yang dipikul kakitangan wanita yang bercuti panjang kerana bersalin, akan dipangku kakitangan lain berikutan kerajaan tidak akan mengambil kakitangan kontrak bagi mengisi kekosongan sementara jawatan itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata langkah kerajaan memberi cuti bersalin sehingga dua bulan itu adalah sejajar tuntutan yang dikemukakan Cuepacs dan dasar masyarakat penyayang yang dianjurkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan memastikan perkhidmatan kepada rakyat tidak akan terjejas berikutan pelaksanaan kemudahan baru itu dengan memastikan beberapa jawatan utama yang penting termasuk pegawai yang menguruskan masalah tanah, dipangku kakitangan lain, atau mencari kakitangan kontrak jika ia benar-benar diperlukan.

"Langkah kerajaan memanjangkan tempoh cuti bersalin kepada kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam daripada 42 hari kepada 60 hari, bermula 1 Mei ini, adalah sejajar dengan tuntutan Cuepacs dan beberapa pertubuhan wanita di negara ini.

"Setakat ini, kita tidak bercadang mengambil kakitangan kontrak untuk mengisi kekosongan sementara jawatan itu kerana ia akan dipangku kakitangan lain, lagi pun kakitangan awam wanita yang bersalin bukan secara serentak.

"Jadi, kerajaan akan terus memastikan sektor perkhidmatan awam tidak terjejas dan kerja kakitangan wanita yang bercuti itu tidak terbengkalai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kempen keselamatan jalan raya di Pondok Polis Peramu, di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Polis Pahang, Datuk Mohd Yusuf Jaafar dan Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Sudin Ali.

Akhbar hari ini melaporkan cuti bersalin kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam ditambah kepada 60 hari seperti yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998 yang ditandatangani Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Dr Mazlan Ahmad, semalam.

Menerusi pekeliling itu, kakitangan yang tertakluk dengan Sistem Saraan Baru (SSB) juga boleh mengambil cuti menjaga anak (tanpa gaji) sehingga 90 hari mulai hari ke 61 selepas bersalin.

Fauzi berkata, pelaksanaan kemudahan baru itu adalah sebahagian inovasi JPA yang mengamalkan peraturan lebih fleksibel dalam usaha memberi penyelesaian kepada kakitangan perkhidmatan awam.

Katanya, langkah itu juga membuktikan kerajaan menghormati khidmat petugas wanita berikutan jumlahnya dalam perkhidmatan awam, termasuk perguruan adalah lebih ramai, berbanding lelaki.

(END)